

17 JUL 2000

Sukan-Asia (Hong Kong)/I

TETAMU TIDAK DIUNDANG DARI HONG KONG KEJUTKAN KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Kemudahan sukan di Kuala Lumpur bagi kejohanan Sukan Asia 2006 tidak sahaja diteliti oleh Majlis Olimpik Asia (OCA), malah oleh sebuah stesen televisyen Hong Kong semasa anggota jawatankuasa OCA melawat kemudahan itu pada hari pertama pemeriksaan hari ini.

Anggota Jawatankuasa Penawaran Kuala Lumpur 2006 terkejut melihat krew stesyen televisyen kabel mengambil visual kemudahan semasa empat anggota penilai OCA diberi taklimat oleh para pegawai tempatan.

Penggambaran oleh jurukamera dan wartawan penyiar negara saingan yang "tidak diundang" dan mengekori delegasi berkenaan, tidak disenangi oleh para pegawai Malaysia.

Bagaimanapun, para pegawai Malaysia tidak menghalang krew televisyen berkenaan menyertai lawatan itu tetapi memikirkan apakah motif di sebalik rakaman tersebut.

"Jemputan" dari Hong Kong itu, kedua-duanya lelaki, berumur dalam lingkungan tiga puluhan dan memakai seluar pendek dan baju T, membawa kamera dan menemui Dr Muwaffak Fawaz, anggota jawatankuasa Sukan OCA.

Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Mahamad Zabri Min yang memberi taklimat kepada anggota jawatankuasa OCA itu berkata Kuala Lumpur akan mengawasi stesen televisyen Hong Kong itu melalui kedutaan Malaysia di negara itu.

"Meskipun kita membuka pintu kepada sesiapa pun untuk datang melihat kemudahan kita...kita juga mahu melihat penerbitan stesen itu kelak. Jika stesen itu memaparkan laporan negatif, kita akan membuat protes kepada OCA," katanya.

Hong Kong adalah saingan Kuala Lumpur bagi menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006. Dua bandaraya lain ialah Doha (Qatar) dan New Delhi (India).

Empat anggota delegasi OCA itu tiba hari ini dari New Delhi bagi memeriksa kemudahan dan perkhidmatan sukan di Kuala Lumpur.

Delegasi itu yang diketuai oleh naib presiden OCA, Muhammad Latif Butt, melawat Kompleks Sukan Nasional dan kemudahan lain di sekitar Lembah Klang termasuk tapak cadangan Perkampungan Sukan di Universiti Putra Malaysia di Serdang.

"Jika stesen televisyen Hong Kong datang ke sini dan membuat laporan yang baik mengenai Kuala Lumpur, ia merupakan promosi percuma untuk kita. Apakah motif mereka membuat penggambaran ke atas kemudahan-kemudahan kita pada masa ini," tanya beliau.

Sebelum itu, jawatankuasa penilai berkenaan diberi taklimat mengenai persediaan Kuala Lumpur bagi menjayakan kejohanan itu termasuk penubuhan perkampungan sukan, pusat media dan perubatan.

Berdasarkan reaksi mereka, jawatankuasa penilai itu kagum dengan kemudahan sedia ada tetapi enggan memberi sebarang ulasan.

"Kami datang ke sini untuk menilai, tidak memberitahu jawatankuasa penawaran apa yang boleh dilakukan dan tidak boleh dilakukan," kata Muwaffak semasa ditanya oleh pemberita selepas taklimat itu.

Setiap negara yang menawarkan diri mempunyai kemudahan tersendiri dan apa sahaja keputusan penilaian itu akan diserahkan kepada Lembaga Eksekutif OCA yang akan bermesyuarat di Tashkent pada 27 Ogos dan 28 Ogos, katanya.

Esok, jawatankuasa penilai itu akan melawat sistem pengangkutan moden dan boleh dipercayai - LRT - dan mereka dijadual menaiki LRT dari stesen Bukit Jalil ke Stesen Bandar Tun Razak.

Dari situ, mereka akan melawat kemudahan sukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebelum berlepas ke Bukit Kiara untuk melihat kemudahan boling dan Stadium Juara.

Pada sebelah tengah hari, mereka akan membuat kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya.

-- BERNAMA

AHA AHH LAT